



SIARAN MEDIA

STRUKTUR BERTINGKAT LEBUH RAYA BAYAN LEPAS DIBUKA KEPADA UMUM HARI INI

GEORGE TOWN, 6 April – Kerja pembinaan struktur bertingkat Lebuhraya Bayan Lepas (BLE) kini telah selesai dan ia sedia untuk dibuka kepada umum bermula hari ini (6 April) selepas 2 petang.

Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Yusof telah hadir di tapak BLE untuk mendengar taklimat kemajuan kerja projek bernilai RM373.2 juta ini, dan seterusnya beliau telah sudi melakukan pelancaran ke atas beberapa kenderaan terawal menggunakan struktur bertingkat ini.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob, Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Ir Adanan Bin Mohamed Hussain, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Pengurusan), Datuk Hj Sarani Bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Dasar dan Pembangunan) Dato' Abdul Razak Bin Jaafar, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Dato' Ir Dr. Roslan Bin Md Taha dan Mohd Razin Ghazali, Pengarah Urusan UEM Builders Berhad (UEM Builders).

Pembukaan struktur bertingkat sepanjang 3.2 kilometer ini adalah mengikut jadual dan dijangka dapat membantu menyuraikan aliran trafik yang sesak di antara Batu Maung dan Sungai Nibong (Queensbay).

Pembinaan fizikal untuk keseluruhan BLE kini 97 peratus siap. Keseluruhan projek ini yang bermula pada April 2014, dijangka akan siap sepenuhnya pada Jun 2016. Pada masa kini sehingga Jun 2016, beberapa kerja kecil pembinaan seperti pembinaan jejambat basikal dan kerja-kerja landskap akan dilaksanakan di kawasan pantai.

Lebuhraya ini direka bentuk untuk menampung jumlah trafik sebanyak 70,000 kenderaan purata harian (ADT) pada tahap *level of service* (LOS) A (laluan bertingkat), dan LOS C di laluan At-grade. Kapasiti maksima lebuhraya ini dijangka



mencecah jumlah maksima trafik pada 2030 dengan LOS C pada laluan bertingkat dan LOS E di laluan At-Grade.

Projek BLE ini yang dilaksanakan oleh UEM Builders sebagai kontraktor utama, terbahagi kepada dua komponen. Komponen pertama adalah Struktur Bertingkat yang berukuran 3.2km panjang, iaitu sebuah lebuh raya 4 lorong, 2 hala. Struktur binaannya menggunakan “standard span” dan “special span” berukuran 3,161 meter dan 390 meter panjang.

Komponen kedua adalah At-Grade sepanjang 4.2km yang merupakan kerja menaik taraf laluan asal kepada lebuh raya 4 lorong, 2 hala. Sepanjang laluan ini terdapat tiga persimpangan iaitu Hilir Sg. Kluang 1, Lebuhraya Kg. Jawa dan persimpangan Jalan Kg. Jawa.

Keseluruhan lebuh raya ini dilengkapi dengan lampu jalan LED, sistem saliran, laluan basikal, jejambat basikal dan pembahagi jalan.

-tamat-

Issued by **UEM Builders Berhad & Public Works Department**; Contact **Juliana Jamaluddin** (juliana.jamaluddin@uemnet.com / 012 340 9438 / 03 – 2727 6492) or **Aishah Nor** (aishah.nor@uemnet.com / 012 – 305 0160 / 03 – 2727 6495)